

MAHATHIR-RASUH (BERNAMA EX)

1979

KUALA LUMPUR, 13 JUN (BERNAMA)—KERAJAAN MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG HIDUP MELEBIHI DARI KEMAMPUAN MEREA, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

TINDAKAN TERHADAP MEREA YANG TERLIBAT DALAM RASUAH DIAMBIL TIDAK MENGIRA KEDUDUKAN, TAMBAH BELIAU KETIKA PERCAKAP DENGAN ROMBONGAN HIMPUNAN PENGUSAHA MUDA INDONESIA (HIMPI) YANG MENGHADIRI JAMUAN MAKAN TENGAHHARI DI KEDIAMAN BELIAU DI SINI HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENERANGKAN ADA DUA CARA RASUAH YANG TERBUKA DAN YANG DIJALANKAN SECARA TERTUTUP.

BELIAU BERKATA RASUAH SECARA TERTUTUP LEBIH SENANG DIKAWAL KERANA INI MENUNJUKKAN BAHAWA PIHAK YANG TERLIBAT MENGETAHUI BAHAWA RASUAH ADALAH SALAH DAN TIDAK BERANI MEMBERI ATAU MENERIMANYA DENGAN CARA TERBUKA.

RASUAH CARA TERBUKA MENUNJUKKAN BAHAWA PENGAWAI-PEGAWAI YANG TERLIBAT MENGGANGAP BAYARAN UNTUK PERKHIDMATAN ADALAH SATU PERBUATAN BIASA DAN LANGKAH UNTUK MENGAWAL RASUAH YANG TELAH SAMPAI KE PERINGKAT INI ADALAH LEBIH SUSAH, KATANYA.

—BERSAMBUNG 1808/AH

££

B601

MAHATHIR-RASUAH 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP AHLI POLITIK ATAU PEGAWAI KERAJAAN DI SINI MENDAPAT TEMPAT MASING-MASING HASIL DARI USAHA MEREA SENDIRI.

TIDAK ADA AHLI POLITIK ATAU PEGAWAI YANG DIBERIKAN KEDUDUKAN YANG TINGGI KERANA MENGNANG JASA MEREA MENDAPATKAN KEMERDEKAAN NEGARAKERANA KEMERDEKAAN MALAYSIA DIDAPATI DENGAN CARA AMAN.

DATUK SRI. DR. MAHATHIR BERKATA PEGAWAI KERAJAAN HARUS MEMPUNYAI SEMANGAT KERJA YANG TINGGI DAN BERPANDUKAN DISIPLIN.

SERAMAI 80 ORANG ROMBONGANHIMPI MENGHADIRI JAMUAN MAKAN TENGAH HARI TERSEPUT.

—BERNAMA 1810/AH